



KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62675 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8091 0000

Laman Web : www.planmalaysia.gov.my

E-mel : alias@planmalaysia.gov.my

Rujukan Kami: JPBD (IP) 185/656/22 Jld.2 (5)

Pekeliling Ketua Pengarah

Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

Bilangan 2 Tahun 2025

PENYELARASAN PENYEDIAAN ULASAN LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaraskan semula, menambah baik serta menggantikan Pekeliling Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa sedia ada Bilangan 3/2022 bertarikh 6 September 2022 bagi maksud memberi penjelasan serta panduan berhubung penyediaan ulasan ke atas Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Objektif utama tindakan penyelarasan semula dan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. Memastikan penyediaan dan pelaksanaan prosedur yang menepati kehendak dan maksud undang-undang; dan
- ii. Menyediakan tatakelola yang komprehensif, tangkas dan efisien selaras dengan objektif kecekapan sistem penyampaian kerajaan terutamanya gagasan 'ease of doing business' bagi meningkatkan produktiviti, keseimbangan dan kemampunan pembangunan.

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional



LATAR BELAKANG

2. Peruntukan subseksyen 34A. (4), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] yang telah dikuatkuasakan melalui pindaan 2012 Akta A1441 adalah amat signifikan dan mustahak bagi memastikan keselarasan antara kebenaran menjalankan pemajuan dari aspek polisi, kawalan penggunaan tanah dan bangunan yang ditadbir melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dengan unjuran impak dan langkah mitigasi terhadap sebarang aktiviti yang dijangka memberi kesan terhadap kualiti alam sekeliling yang ditadbir di bawah Akta 127.

Seksyen 34A. *Laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan.*

(4) *Jika Ketua Pengarah, apabila meneliti laporan itu dan selepas membuat apa-apa penyiasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, berpendapat bahawa-*

(a) laporan itu tidak mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan; atau

(b) laporan itu tidak memenuhi kehendak di bawah subseksyen (2C),

dia tidak boleh meluluskan laporan itu, dengan memberikan alasan untuk tidak meluluskan, dan hendaklah memaklumkan orang itu dan pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan dengan sewajarnya.

3. Mesyuarat Pengarah Negeri Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Bilangan 2/ 2025 bertarikh 16 Oktober 2025 telah menerima dan bersetuju ke atas pembentangan kertas persetujuan bagi menyelaraskan dan menambahbaik Pekeliling Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bilangan 3 Tahun 2022 – Penyelarasan Penyediaan Ulasan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) oleh PLANMalaysia Negeri. Terdapat dua (2) isu utama sebagai asas rujukan dalam melaksanakan penyelarasan semula dan penambahbaikan seperti berikut;

- i. Isu keberkesanan sistem penyampaian berhubung keperluan keputusan yang segera dan tangkas bagi kelulusan Laporan EIA yang secara mandatori tertakluk kepada Rancangan Pemajuan dan Rancangan Fizikal; dan
- ii. Isu penyelarasan aktiviti-aktiviti yang tertakluk kepada keperluan kelulusan Laporan EIA dengan kepatuhan terhadap polisi perancangan fizikal dan zon perancangan penggunaan tanah dan bangunan di dalam Rancangan Pemajuan.

RANCANGAN FIZIKAL DAN RANCANGAN PEMAJUAN YANG DILULUSKAN OLEH PIHAK BERKUASA MELULUSKAN YANG BERKAITAN

4. Bagi memastikan penyelarasan terhadap dasar di dalam Rancangan Fizikal dan/ atau selaras dengan penetapan polisi, zon perancangan guna tanah dan bangunan, jadual kelas kegunaan tanah/ bangunan dan lain-lain butiran sama ada dalam bentuk pelan atau pernyataan bertulis di dalam Rancangan Pemajuan, satu tindakan bagi melaksanakan prosedur kajian semula, pengubahan atau penggantian kepada Rancangan Fizikal serta Rancangan Pemajuan yang telah diwartakan adalah perlu dan hendaklah dijalankan selaras dengan subseksyen 6B. (4), subseksyen 11. (1),

subseksyen 16. (1) dan subseksyen 16. (2) Akta 172 khususnya berhubung kepada tiga (3) aspek seperti berikut;

- i. Menggariskan polisi dan strategi pelaksanaan kawal selia perancangan yang berkaitan dengan alam sekitar;
- ii. Menukar zon perancangan gunatanah utama dan menetapkan guna tanah-guna tanah lain yang dibenarkan bagi menyokong guna tanah utama; dan
- iii. Menyenaraikan aktiviti-aktiviti penggunaan tanah dan bangunan yang tidak selaras dengan zon perancangan guna tanah utama tetapi dibenarkan melalui kelulusan Kebenaran Merancang Perubahan Material yang selaras dengan Akta 172.

5. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan khusus di bawah seksyen 6B Akta 172 bagi Rancangan Fizikal, seksyen 11, 11A dan 11B Akta 172 bagi Rancangan Struktur dan seksyen 16 Akta 172 bagi Rancangan Tempatan berhubung proses dan prosedur pelaksanaan kajian semula, pengubahan atau penggantian dan pembatalannya serta keperluan untuk mematuhi subseksyen 34A. (4) Akta 127 di dalam proses menimbang dan memberi kelulusan terhadap Laporan EIA oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar adalah dirujuk dan diteliti sebagaimana berikut;

i. Rancangan Pemajuan dan Rancangan Fizikal

Bil.	Punca Kuasa	Penjelasan
1.	a) <u>Subseksyen 34A. (4) Akta 127;</u> <i>Jika Ketua Pengarah, apabila meneliti laporan itu dan selepas membuat apa-apa penyasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, berpendapat bahawa—</i>	a) Rancangan Pemajuan atau Rancangan Fizikal yang dirujuk adalah Rancangan Pemajuan atau Rancangan Fizikal yang <u>DILULUSKAN</u> oleh <u>PIHAK BERKUASA YANG MELULUSKAN</u> yang

	(a) laporan itu tidak mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan; atau	diperuntukkan di dalam undang-undang.
2.	a) <u>Subseksyen 2. (1) Akta 172</u>: <i>“rancangan fizikal negara”</i> ertinya rancangan fizikal yang meliputi Semenanjung Malaysia yang disediakan dan diluluskan di bawah seksyen 6B;	b) Rancangan Fizikal yang disebutkan di dalam subseksyen 34A. (4) Akta 127 ialah Rancangan Fizikal Negara menurut subseksyen 2. (1) Akta 172 atau mana-mana laporan lain yang diterbitkan berasaskan Rancangan Fizikal Negara.
3.	a) <u>Subseksyen 2. (1) Akta 172</u> <i>“rancangan pemajuan”</i>, berhubung dengan sesuatu kawasan, ertinya - (a) rancangan tempatan bagi kawasan itu; atau (b) jika tiada rancangan tempatan bagi kawasan itu, rancangan struktur bagi kawasan itu, dan, berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya rancangan pemajuan, sebagaimana yang ditakrifkan sedemikian, bagi kawasan di mana tanah atau bangunan itu terletak;	a) Rancangan Pemajuan yang disebutkan di dalam subseksyen 34A. (4) Akta 127 ialah Rancangan Tempatan dan Rancangan Struktur menurut subseksyen 2. (1) Akta 172.

ii. Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Rancangan Pemajuan dan Rancangan Fizikal

Bil.	Punca Kuasa	Penjelasan
1.	a) <u>Subseksyen 34A. (4) Akta 127:</u> <i>Jika Ketua Pengarah, apabila meneliti laporan itu dan selepas membuat apa-apa penyiasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, berpendapat bahawa—</i> <i>(a) laporan itu tidak mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan; atau</i>	a) Rancangan Pemajuan dan Rancangan Fizikal yang dirujuk adalah Rancangan Pemajuan dan Rancangan Fizikal yang <u>DILULUSKAN</u> oleh <u>PIHAK BERKUASA YANG MELULUSKAN</u> yang diperuntukkan di dalam undang-undang.
2.	a) <u>Subseksyen 6B. (1) Akta 172</u> Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa hendaklah, apabila diarahkan oleh Majlis, menyediakan dan mengemukakan suatu draf rancangan fizikal negara yang meliputi Semenanjung Malaysia kepada <u>Majlis bagi kelulusannya.</u>	a) <u>'Majlis' (Majlis Perancang Fizikal Negara)</u> adalah pihak berkuasa yang <u>meluluskan</u> Rancangan Fizikal Negara atau mana-mana laporan lain yang diterbitkan berasaskan Rancangan Fizikal Negara.
3.	a) <u>Seksyen 10. (1) Akta 172:</u> <u>Jawatankuasa</u> boleh, selepas menimbangkan suatu draf rancangan struktur yang dikemukakan atau	a) <u>'Jawatankuasa' (Jawatankuasa Perancang Negeri)</u> adalah pihak berkuasa yang <u>meluluskan</u> Rancangan Struktur.

<i>dikemukakan semula kepadanya, sama ada <u>meluluskannya</u>, keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan dengan atau tanpa ubah suaian atau syarat-syarat, atau menolaknya.</i> b) <u>Seksyen 10. (3) Akta 172:</u> <i>Jika, pada masa menimbangkan draf rancangan struktur itu, <u>Jawatankuasa</u> tidak memutuskan untuk menolaknya, ia hendaklah, sebelum memutuskan sama ada hendak <u>meluluskannya</u> atau tidak.</i> c) <u>Seksyen 10. (5) Akta 172:</u> <i>Jika <u>Jawatankuasa</u> tidak atau telah mengabaikan untuk <u>meluluskan</u> atau menolak suatu draf rancangan struktur dalam masa enam bulan selepas ia dikemukakan kepadanya, Pengarah Negeri boleh merujuk draf rancangan struktur itu kepada Majlis untuk membuat keputusan mengenainya.</i>	b) Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah pihak berkuasa yang memberikan persetujuan bagi mewarta dan menguatkuasakan Rancangan Struktur.
---	--

d) <u>Seksyen 10. (6) Akta 172:</u> Setelah <u>meluluskan</u> draf rancangan struktur itu, <u>Jawatankuasa</u> hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri bagi rancangan itu, dan setelah persetujuan diberikan, rancangan itu hendaklah berkuat kuasa. e) <u>Seksyen 11B. (5) Akta 172:</u> <u>Jawatankuasa</u> kemudiannya hendaklah menimbangkan pengubahan yang dicadangkan kepada rancangan struktur, dan sama ada <u>meluluskannya</u>, secara keseluruhan atau sebahagiannya dan dengan atau tanpa ubah suaian, atau menolaknya. f) <u>Seksyen 11B. (6) Akta 172:</u> <u>Jawatankuasa</u> hendaklah mengemukakan rancangan struktur yang diubah yang telah <u>diluluskan</u> kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi persetujuan Pihak Berkuasa	
--	--

	<i>Negeri mengenai rancangan itu, dan apabila persetujuan itu diberikan, rancangan struktur yang diubah itu hendaklah berkuat kuasa.</i>	
4.	a) <u>Seksyen 15. (1) Akta 172:</u> <i>Selepas tamat tempoh yang diberikan untuk membuat bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf rancangan tempatan atau, jika bantahan atau representasi itu telah dibuat dengan sewajarnya dalam tempoh itu, selepas menimbangkan bantahan atau representasi itu, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengemukakan draf rancangan tempatan itu atau draf rancangan tempatan itu sebagaimana yang diubahsuaikan dengan tujuan untuk mengambil kira bantahan atau representasi itu atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya, kepada <u>Jawatankuasa bagi kelulusannya.</u></i> b) <u>Seksyen 15. (1A) Akta 172:</u> <u>Jawatankuasa</u> boleh, selepas	a) <u>'Jawatankuasa'</u> <u>(Jawatankuasa Perancang Negeri)</u> adalah pihak berkuasa yang <u>meluluskan</u> Rancangan Tempatan. b) Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah pihak berkuasa yang memberikan persetujuan bagi menguatkuasakan dan mewarta Rancangan Tempatan.

	<i>menimbangkan suatu draf rancangan tempatan yang dikemukakan kepadanya, sama ada <u>meluluskannya</u>, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan dengan atau tanpa ubah suaian, atau menolaknya.</i> c) <u>Seksyen 15. (1C) Akta 172:</u> <u>Jawatankuasa</u> hendaklah mengemukakan draf rancangan tempatan yang telah <u>diluluskan</u> kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, dan apabila persetujuan diberikan, rancangan itu hendaklah berkuat kuasa.	
--	---	--

iii. Kebenaran bagi menjalankan jenis-jenis pemajuan yang tidak selaras dengan Rancangan Pemajuan tetapi boleh dibenarkan melalui kelulusan Kebenaran Merancang Perubahan Material hendaklah tertakluk kepada penetapan jenis-jenis pemajuan yang telah ditentukan di dalam Jadual Kelas Kegunaan Tanah (KGT) Rancangan Pemajuan.

Bil.	Punca Kuasa	Penjelasan
1.	a) <i>Proses dan prosedur pengubahan atau penggantian dan pembatalan Rancangan</i>	a) Penetapan jenis-jenis pemajuan yang tidak selaras tetapi dibenarkan melalui KM

	<i>Pemajuan sebagaimana dinyatakan di dalam jadual bagi butiran 3 dan 4 di dalam perenggan 5 (ii).</i>	Perubahan Material hendaklah ditentukan di dalam Jadual Kelas Kegunaan Tanah Rancangan Pemajuan.
--	---	---

Contoh penetapan jenis-jenis pemajuan tidak selaras dengan Rancangan Pemajuan di dalam Jadual Kelas Kegunaan Tanah tetapi dibenarkan melalui kelulusan Kebenaran Merancang Perubahan Material.

Kolum I	Kolum II	Kolum III	Kolum IV		Kolum V	Kolum VI	Kolum VII		Kolum VIII
JENIS GUNA TANAH UTAMA	JENIS GUNA TANAH DIBENARKAN	AKTIVITI DIBENARKAN	AKTIVITI DIBENARKAN DENGAN SYARAT		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	GARIS PANDUAN & SYARAT UMUM/ REKA BENTUK BERKAITAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN BAGI PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN TANAH		CATATAN
			AKTIVITI	SYARAT			AKTIVITI	SYARAT	
Perindustrian	- Industri Ringan - Industri Sederhana	- Pusat Makanan/ Arkid - Institusi Memandu - Lapang Sasar Golf Range/ Memanah - Pusat Memancing	Asrama Pekerja	- Densiti - Plot Ratio	Industri Berat	Mematuhi GP Perindustrian	- Pusat Makanan - Institusi Memandu - Institusi Latihan Perindustrian	- Aktiviti lot berjiran hendaklah bersesuaian dan selamat - Tertakluk kepada kesesuaian tapak (lokasi, saiz tapak, laluan keluar masuk)	Lain-lain syarat yang berkaitan seperti dasar dan polisi
Pertanian	- Pertanian Komoditi Utama - Pertanian Komersial	- Ladang Solar - Pertombongan Unsur Nadi Bumi - Bangunan Reban Tertutup - Eko pelancongan/ agro pelancongan	Gudang atau stor Penyimpanan Hasil Pertanian	- Densiti - Plot Ratio	Industri Berat	KaGUMN	- Pusat Tahfiz - Bangsai - Tapak Semaian	- Pembinaan dan struktur sementara yang boleh diberikan kelulusan permit bangunan/struktur sementara oleh PBT - Aktiviti sokongan bagi pemajuan yang diluluskan PBN atau PBT	
Hutan	Hutan Tanah Kerajaan	- Penyelidikan - Eco pelancongan	Pengangkutan Infrastruktur dan Utiliti	Infrastruktur Berkepentingan Negara (Lebuhraya, laluan rentis)	Industri	GP Perhutanan	Aktiviti Perlombongan Unsur Nadir Bumi yang menggunakan kaedah <i>InSitu Leaching</i>	- Mematuhi keperluan perundangan semasa - Kawasan lombong/kuari yang tamat tempoh - Zon penampakan tidak kurang 600m	
Perumahan	Bukan Strata	Rumah Teres	Kemudahan Masyarakat Perkhidmatan	- Densiti - Plot Ratio (1:2 hingga 1:8)	Industri	GPP Perumahan	- Pusat Jagaan Warga Emas - Rumah Anak Yatim - Tadika/Taska/ Pusat Jagaan Harian	- Tidak menimbulkan pencemaran dan kacau ganggu - Sokongan lot berjiran - Aktiviti lot berjiran hendaklah bersesuaian dan selamat - Tertakluk kepada kesesuaian tapak (lokasi, saiz tapak, laluan keluar masuk)	

6. Berdasarkan butiran penjelasan yang merujuk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta 127 dan Akta 172 di dalam perenggan 5, sebanyak empat (4) ketetapan telah diputuskan bagi mencapai objektif penyelarasan semula dan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. Laporan EIA yang perlu mengikut Rancangan Pemajuan yang diluluskan adalah merujuk kepada Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan dan Laporan EIA yang perlu mengikut Rancangan Fizikal yang diluluskan adalah merujuk kepada Rancangan Fizikal Negara atau mana-mana laporan lain yang diterbitkan berasaskan Rancangan Fizikal Negara;
- ii. Penggunaan tanah yang tidak selaras dengan zon perancangan guna tanah utama di dalam Rancangan Pemajuan tetapi telah ditetapkan secara terperinci di dalam Jadual Kelas Kegunaan Tanah untuk dibenarkan melalui Kebenaran Merancang Perubahan Material disifatkan sebagai telah mengikut Rancangan Pemajuan bagi menimbang kelulusan Laporan EIA;
- iii. Pihak berkuasa yang meluluskan suatu penyediaan Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan termasuk melalui proses pengubahan atau penggantian dan pembatalan ialah Jawatankuasa Perancang Negeri dan pihak berkuasa yang meluluskan bagi Rancangan Fizikal Negara atau mana-mana laporan lain yang diterbitkan berasaskan Rancangan Fizikal Negara ialah Majlis Perancang Fizikal Negara; dan
- iv. Rancangan Pemajuan yang sah untuk dirujuk bagi menentukan bahawa Laporan EIA adalah selaras atau mengikut Rancangan

Pemajuan adalah salah satu dari kesemua mana-mana status Rancangan Pemajuan dan hendaklah mengikut keutamaan senarai dari butiran (a) hingga (c) seperti berikut;

- a. Rancangan Pemajuan yang telah mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Perancang Negeri; atau
- b. Rancangan Pemajuan yang telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri; atau
- c. Rancangan Pemajuan yang telah diwartakan melalui persetujuan Pihak Berkuasa Negeri selepas mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Perancang Negeri.

7. Bagi menjelaskan maksud mana-mana laporan lain yang diterbitkan berasaskan Rancangan Fizikal Negara adalah seperti berikut:

- i. Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN);
- ii. Dasar Perbandaran Negara (DPN);
- iii. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN);
- iv. Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS); dan
- v. Laporan lain yang disediakan secara sektoral bagi menumpukan langkah-langkah pelaksanaan dasar dan strategi am di dalam Rancangan Fizikal Negara.

8. Bagi mengelakkan sebarang keraguan serta pembuktian dokumentasi ke atas setiap butiran di dalam perenggan 6 (iv) di atas hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Penyata minit mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri yang membuat keputusan bagi memberi kelulusan terhadap Rancangan Pemajuan;
- ii. Penyata minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang membuat keputusan bagi memberi persetujuan terhadap Rancangan Pemajuan; dan
- iii. Dokumen pewartaan Rancangan Pemajuan yang menunjukkan fakta persetujuan Pihak Berkuasa Negeri terhadap pewartaan Rancangan Pemajuan.

PEMATUHAN

9. Semua Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, PLANMalaysia Negeri dan agensi lain yang berkaitan bertanggungjawab memastikan penyelarasan ini diterima pakai dan dirujuk semasa penyediaan ulasan Laporan EIA serta kajian-kajian lain yang berkaitan.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini pada keseluruhannya dikeluarkan untuk diterima pakai di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, PLANMalaysia Negeri dan agensi lain yang berkaitan. Pemakaian pekeling ini akan membatalkan Pekeliling Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bilangan 3 Tahun 2022 – Penyelarasan Penyediaan

Ulasan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) oleh PLANMalaysia Negeri.

PERTANYAAN

12. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Blok F5, Kompleks F, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62675 PUTRAJAYA

(u.p.: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan)

No. Tel. : 03-8091 0000

PENUTUP

13. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, PLANMalaysia Negeri dan agensi lain yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK TPr DR. ALIAS BIN RAMELI)

25 November 2025

- s.k
- i. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), PLANMalaysia
 - ii. Pengarah Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, PLANMalaysia
 - iii. Pengarah Bahagian Korporat, PLANMalaysia

TLS/nfa/hfa/pekeliling KP 2/2025/penyelarasan/ulasan/poranEIA

4

Minit Mesyuarat Pengarah Negeri Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bil. 2/2025 yang telah diadakan pada 16 Oktober 2025 (Khamis) dan kertas pembentangan Ke-2 **Cadangan Penambahbaikan Pekeliling Ketua Pengarah PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Bilangan 3 Tahun 2022 – Penyelarasan Penyediaan Ulasan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)** oleh PLANMalaysia Negeri boleh dimuat turun melalui QR Code berikut;

